

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 OGOS 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 35

MATRADE sasar eksport RM1.3 trilion

## MATRADE sasar eksport RM1.3 trilion


Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
athir.ismail@mediamula.com.my

**SHAH ALAM:** Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menasaskan jumlah eksport kekal pada RM1.252 trilion pada tahun ini, di sebalik kelembapan ekonomi global dan krisis geopolitik yang tercetus di Eropah.

Tahun lalu, negara merekodkan lebih nilai eksport sebanyak 25 peratus dan MATRADE tidak menjangkakan jumlah itu akan berkurangan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE, Datuk Mohd. Mustafa Abdul Aziz, jumlah tersebut perlu dicapai untuk memastikan sasaran sama dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat direalisasikan.

"Pada peringkat nasional, kita sasarkan tidak jatuh daripada RM1.252 trilion sebab eksport yang kita sasarkan pada 2025 di bawah RMK-12, sebanyak RM1.252 trilion. Tahun lepas kita telah lepiasi 25 peratus (nilai eksport) iaitu berjumlah RM1.552 trilion," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Program Hari Eksport Selangor anjuran MATRADE bersama Perbadanan Kemajuan



**MALAYSIA** dijangka mengekalkan pertumbuhan eksport meskipun berdepan cabaran ketidaktentuan ekonomi global. - **GAMBAR HIASAN**

Negeri Selangor (PKNS) di sini, semalam.

Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata, sebagai sebuah negeri industri, Selangor menyumbang 23.2 peratus kepada nilai keseluruhan eksport negara pada tahun lalu.

"Jumlah eksport (Selangor) melebihi RM360 bilion, hampir 10 peratus kenaikan berbanding tahun sebelumnya, mencatat-

kan pertumbuhan positif untuk sektor jentera dan kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan dan bahan kimia.

"Tidak lupa, industri asatani serta makanan dan minuman yang menyumbang kepada eksport negeri. Pada 2022, Selangor di tempat ketiga jumlah eksport tertinggi mengikut negeri di Malaysia," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mohd.

Mustafa memberitahu, pihaknya menasaskan 3,000 padanan perniagaan melibatkan 275 pelabur termasuk 11 syarikat premium dari lapan negara dengan 500 syarikat tempatan pada Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2023.

Beliau berkata, MIHAS 2023 berlangsung dari 12 hingga 15 September, melibatkan hampir 1,700 reruai membatikan pem-

pameran dari 40 negara, melepasi sasaran sebanyak 1,500 penyertaan.

"Sehingga Julai 2023, sebanyak 28 program promosi eksport dianjurkan termasuk Misi Akselerasi Eksport, Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Galakan Pelaburan dan Perdagangan dan Program Penyumberan Antarabangsa (*International Sourcing Programme-INSIP*).

"Komponen tersebut akan menyaksikan lebih daripada 3,000 padanan perniagaan yang kami susun untuk 472 syarikat tempatan dengan 275 pembeli asing termasuk pembeli premium dari 44 negara," katanya

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan, Selangor sedang mengalami peralihan daripada sektor pembuatan kepada perkhidmatan dan anjakan tersebut berlaku pada tahap 0.6 hingga 0.7 peratus.

Menjelaskan perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas berkata, perkembangan sektor perkhidmatan tidak akan menjejaskan aktiviti eksport negeri ini melalui pelaksanaan pelbagai program pemerksaan keusahawanan.